(e) dalam perenggan 33—

(i) dengan menggantikan perkataan “the business of banking or finance in Malaysia and licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 or the Islamic Banking Act 1983” dengan perkataan “banking business or Islamic banking business in Malaysia and licensed under the Financial Services Act 2013 or the Islamic Financial Services Act 2013, as the case may be”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Central Bank of Malaysia pursuant to section 37 of the Banking and Financial Institutions Act 1989 and subsection 5(2) of the Islamic Banking Act 1983” dengan perkataan “Minister pursuant to section 12 of the Financial Services Act 2013 and section 12 of the Islamic Financial Services Act 2013”;

(f) dalam perenggan 33A—

(i) dengan menomborkan semula perenggan 33A sedia ada sebagai subperenggan 33A(1); dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 33A(1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) The exemption under subparagraph (1) shall not apply to interest paid or credited to a company in the same group.”;

(g) dalam perenggan 33B—

(i) dengan menomborkan semula perenggan 33B sedia ada sebagai perenggan 33B(1); dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 33B(1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) The exemption under subparagraph (1) shall not apply to—

(a) interest paid or credited to a company in the same group;

(b) interest paid or credited to—

(i) a bank licensed under the Financial Services Act 2013;

(ii) an Islamic bank licensed under the Islamic Financial Services Act 2013; or

(iii) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002.”; dan

- (h) dengan menggantikan perenggan 35A dengan perenggan yang berikut:

“**35A.** Income of a unit trust in respect of interest derived from Malaysia and paid or credited by—

(a) a bank licensed under the Financial Services Act 2013;

(b) an Islamic bank licensed under the Islamic Financial Services Act 2013; or

(c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002:

Provided that in the case of a unit trust which is a money market fund, the exemption shall only apply to a wholesale fund which complies with the relevant guidelines of the Securities Commission Malaysia.”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

30. (1) Perenggan 31(a) mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Perenggan 31(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 32 dan 33 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan seksyen 2

31. Subseksyen 2(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

(a) dalam takrif “Malaysia”—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “subsoil of the territorial waters” perkataan “and the airspace above such areas”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “sovereign rights” perkataan “or jurisdiction”; dan

(b) dalam takrif “secondary recovery”, dengan menggantikan perkataan “and/or accelerated recovery of those hydrocarbons” dengan perkataan “and accelerated recovery of those hydrocarbons which is carried out subsequent to the earlier recovery process”.

Pindaan seksyen 41A

32. Seksyen 41A Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Where in ascertaining the chargeable income of a chargeable person, it appears to the Director General that—

(a) no assessment shall be made in respect of the chargeable person for any year of assessment by reason of—

(i) absence of adjusted income, statutory income, assessable income or chargeable income of a chargeable person from any of his sources of income; or

(ii) exemption granted to that person under this Act,

the Director General may notify the chargeable person in writing that no assessment shall be made for that year of assessment and provide a computation with regard to it; or

(b) assessment has been made in respect of the chargeable person, but the chargeable person has no statutory income from a source consisting of a business, the Director General may notify the chargeable person in writing of an adjustment, if any, made in respect of that source consisting of a business and provide a computation with regard to it.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Where a chargeable person has furnished to the Director General a return for a year of assessment in accordance with subsection 30(1) and there is no chargeable income for that year of assessment, then if the chargeable person in respect of such return is aggrieved by any practice of the Director General generally prevailing at the time when the return is made—

(a) the return shall be deemed to be a notification made by the Director General under subsection (1) on the day the return is furnished; and

- (b) the notification deemed to have been made under paragraph (a) shall be deemed to have been notified to the person on the day on which the Director General is deemed to have made the notification.”;
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subsection (1)” perkataan “or the return which is deemed under paragraph (1A)(a) to be a notification made by the Director General”;
- (d) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “subsection (1)” perkataan “or the return which is deemed under paragraph (1A)(a) to be a notification made by the Director General”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Where a chargeable person has furnished to the Director General a return for a year of assessment in accordance with subsection 30(1) and there is no chargeable income for that year of assessment, then if the person in respect of such return alleges that—

- (a) there is an error or a mistake made by him in that return, the chargeable person may make an application in writing to the Director General for an amendment to be made in respect of such return; or
- (b) the amount that have been computed in the return is inaccurate by reason of—
 - (i) any exemption, relief, remission, allowance or deduction granted for that year of assessment under this Act or any other written law published in the *Gazette* after the year of assessment in which the return is furnished;
 - (ii) the approval for any exemption, relief, remission, allowance or deduction is granted

after the year of assessment in which the return is furnished; or

- (iii) a deduction not allowed in respect of payment of interest, royalty, services, technical advice, assistance, rent or other payments made under any agreement or arrangement for the use of movable property derived from Malaysia or contract payment to a non-resident contractor which is not due to be paid under the provisions of the law for the time being in force in Malaysia relating to income tax on the day the return is furnished,

the chargeable person may make an application in writing to the Director General for relief.

(6) The application under subsection (5) shall be made—

- (a) in respect of paragraph (5)(a), within six months from the date the return is furnished;
- (b) in respect of subparagraph (5)(b)(i) or (ii), within five years after the end of the year the exemption, relief, remission, allowance or deduction is published in the *Gazette* or the approval is granted, whichever is the later; or
- (c) in respect of subparagraph (5)(b)(iii), within one year after the end of the year the payment is made.

(7) On receiving an application under subsection (5), the Director General shall inquire into the matter and may make amendment in respect of the amount that have been computed in the return as appears to him to be just and reasonable.

(8) No amendment shall be allowed under subsection (7) in respect of an error or a mistake as to the basis on which the non-chargeability of the applicant ought

to have been computed if the return or statement containing the error or mistake was in fact made on the basis of or in accordance with any practice of the Director General generally prevailing at the time when the return was made.

(9) An application under subsection (5) shall be as nearly as may be in the same form as a notice of appeal under section 43.

(10) Where the applicant is aggrieved by the Director General's decision on the application under subsection (5), the following provisions shall apply:

- (a) the applicant may within six months after being informed of the decision request, in writing, the Director General to send the application forward to the Special Commissioners;
- (b) the Director General shall within three months after receiving the request send the application forward as if he were sending an appeal forward pursuant to section 46; and
- (c) the application shall thereupon be deemed to be an appeal and shall be disposed of accordingly.”.

Seksyen baharu 66A

33. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66 seksyen yang berikut:

“Relief other than in respect of error or mistake

66A. (1) Where any chargeable person has furnished to the Director General a return for a year of assessment in accordance with subsection 30(1) and has paid tax for that year of assessment alleges that the assessment relating to that year of assessment is excessive by reason of—

- (a) any exemption, relief, remission, allowance or deduction granted for that year of assessment under

this Act or any other written law is published in the *Gazette* after the year of assessment in which the return is furnished;

- (b) the approval for any exemption, relief, remission, allowance or deduction is granted after the year of assessment in which the return is furnished; or
- (c) a deduction not allowed in respect of payment of interest, royalty, services, technical advice, assistance, rent or other payments made under any agreement or arrangement for the use of movable property derived from Malaysia or contract payment to a non-resident contractor which is not due to be paid under the provisions of the law for the time being in force in Malaysia relating to income tax on the day the return is furnished,

the chargeable person may make an application in writing to the Director General for relief.

(2) The application under subsection (1) shall be made—

- (a) in respect of paragraph 1(a) or (b), within five years after the end of the year the exemption, relief, remission, allowance or deduction is published in the *Gazette* or the approval is granted, whichever is the later; or
- (b) in respect of paragraph (1)(c), within one year after the end of the year the payment is made.

(3) On receiving an application under subsection (1), the Director General shall inquire into the matter and may give by way of repayment of tax such relief as appears to him to be just and reasonable.

(4) An application under subsection (1) shall be as nearly as may be in the same form as a notice of appeal under section 43.

(5) Where the applicant is aggrieved by the Director General's decision on the application under subsection (1), the following provisions shall apply:

- (a) the applicant may within six months after being informed of the decision request, in writing, the Director General to send the application forward to the Special Commissioners;
- (b) the Director General shall within three months after receiving the request send the application forward as if he were sending an appeal forward pursuant to section 46; and
- (c) the application shall thereupon be deemed to be an appeal and shall be disposed of accordingly.”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

34. (1) Seksyen 35 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Perenggan 36(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

(3) Perenggan 36(b) dan (c) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2015.

(4) Perenggan 36(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan seksyen 13

35. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam proviso kepada subseksyen 13(4) dengan memotong perkataan “di Kuala Lumpur”.

Pindaan Jadual 2**36. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subperenggan 1(1), dalam takrif “bank Islam”, dengan menggantikan perkataan “mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276]” dengan perkataan “ertinya suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]”;
- (b) dalam perenggan 6, dengan memasukkan selepas subperenggan (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subsubperenggan (1)(e)—

- (a) jika bagi suatu tahun taksiran seseorang pelupus melakukan perbelanjaan bagi maksud pemerolehan atau pelupusan bagi suatu aset dan cukai input ke atas aset itu adalah tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dibuat di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun bagi perbelanjaan itu berhubung dengan aset itu hendaklah termasuk amaun cukai input sebagaimana yang ditentukan daripada pelarasan yang dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat atau tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan
- (b) dalam keadaan pelarasan amaun bagi cukai input itu menghasilkan—
- (i) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada amaun perbelanjaan yang dilakukan; atau
- (ii) suatu amaun berkurangan, perbelanjaan yang dilakukan hendaklah ditolak daripadanya amaun itu.”;

(c) dalam perenggan 7—

- (i) dengan menomborkan semula perenggan 7 sedia ada sebagai subperenggan 7(1);
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan 7(1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Bagi maksud subsubperenggan (1)(d)—

(a) jika bagi suatu tahun taksiran seseorang pelupus melakukan perbelanjaan bagi maksud pemerolehan atau pelupusan bagi suatu aset dan cukai input ke atas aset itu adalah tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dibuat di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun bagi perbelanjaan itu berhubung dengan aset itu hendaklah termasuk amaun cukai input sebagaimana yang ditentukan daripada pelarasan yang dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat atau tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubung dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan

(b) dalam keadaan pelarasan amaun bagi cukai input itu menghasilkan—

- (i) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada amaun perbelanjaan yang dilakukan, atau
- (ii) suatu amaun berkurangan, perbelanjaan yang dilakukan hendaklah ditolak daripadanya amaun itu.”; dan

(d) dalam subperenggan 12(2)—

(i) dalam subsubperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “pelupusan itu” dengan perkataan “pelupusan itu jika pemberi itu seorang warganegara; dan”;

(ii) dengan memotong subsubperenggan (b); dan

- (iii) dalam subsubperenggan (c), dengan menggantikan perkataan “dalam hal pemberi yang merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap dan;” dengan perkataan “jika”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

37. (1) Seksyen 38 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Seksyen 39 mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2016.

Pindaan seksyen 2

38. Seksyen 2 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

- (a) dalam takrif “aktiviti bukan perdagangan Labuan” dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa harta lain” perkataan “yang terletak di Labuan”; dan
- (b) dalam takrif “aktiviti perniagaan Labuan”, dalam proviso (b), dengan menggantikan perkataan “pelaburan” dengan perkataan “syer”.

Pindaan seksyen 21

39. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

21. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) secara am bagi maksud melaksanakan, atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini;

- (b) bagi maksud melaksanakan atau memudahkan perjalanan perkiraan yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967 dan menetapkan penalti bagi apa-apa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan ini.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014

40. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan seksyen 2

41. Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dalam takrif “wang”, dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “wang” takrif yang berikut:

‘ “zon bebas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438].’.

Pindaan seksyen 13

42. Perenggan 13(4)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dikeluarkan oleh” dengan perkataan “diterima daripada”.

Pindaan seksyen 20**43.** Subseksyen 20(6) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “akan dibekalkan” perkataan “akibat pemberhentian perniagaan”;
- (b) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:
 - “(f) pembekalan yang dibuat dalam atau antara zon bebas di bawah seksyen 162 kecuali jika pembekalan itu tertakluk kepada suatu perintah di bawah subseksyen 163(1).”.

Pindaan seksyen 33**44.** Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (10) dengan subseksyen yang berikut:
 - “(10) Tiada inouis yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai suatu cukai boleh dikeluarkan oleh mana-mana orang berdaftar—
 - (a) bagi apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang bukan suatu pembekalan bercukai; atau
 - (b) bagi apa-apa pembekalan berkadar sifar.”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (10) subseksyen yang berikut:
 - “(10A) Mana-mana orang yang bukan orang berdaftar, kecuali orang yang disebut dalam subseksyen 65(4) dan (5), tidak boleh mengeluarkan—
 - (a) suatu inouis yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai suatu cukai atau suatu amaun yang termasuk cukai; atau

(b) suatu invoice yang berupa sebagai suatu invoice cukai dengan atau tanpa cukai.”; dan

(c) dalam subseksyen (11), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (10)” perkataan “atau (10A)”.

Seksyen baharu 34A dan 34B

45. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 34 seksyen yang berikut:

“Orang berdaftar yang ditetapkan hendaklah mengemukakan maklumat tentang pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima

34A. (1) Mana-mana orang berdaftar yang ditetapkan oleh Menteri hendaklah mengemukakan maklumat tentang semua pembekalan yang dibuat dan pembayaran yang diterima olehnya kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan peranti dan mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Ketua Pengarah boleh bagi maksud seksyen ini meluluskan mana-mana orang—

(a) untuk memasang, mengkonfigurasi dan mengintegrasikan peranti yang ditetapkan;

(b) untuk memberi perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan peranti yang ditetapkan sebagaimana yang dijadualkan atau apabila diberitahu mengenai kegagalan peranti yang ditetapkan untuk berfungsi atau beroperasi dalam keadaan biasa; atau

(c) untuk menjalankan pemeriksaan dalam hal apa-apa tanda gangguan, kerosakan, manipulasi data yang disimpan atau halangan penggunaan sah peranti yang ditetapkan.

(3) Orang yang diluluskan di bawah subseksyen (2) hendaklah, apabila memasuki premis orang berdaftar yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) untuk menjalankan tugasnya

di bawah seksyen ini, mengemukakan, atas permintaan orang berdaftar itu, bukti kelulusan.

(4) Orang berdaftar yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

(a) pada bila-bila masa membenarkan mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk memasang peranti, dan untuk mengkonfigurasi, mengintegrasikan atau memeriksa peranti yang dipasang di premis perniagaannya;

(b) membuat segala usaha untuk memastikan bahawa—

(i) peranti itu, selepas dibekalkan dan dipasang tidak dipindahkan, dimanipulasi, diusik atau diganggu; dan

(ii) penggunaan peranti itu tidak dihalang oleh mana-mana orang atau apa-apa peranti lain; dan

(c) memberitahu Ketua Pengarah dengan serta-merta tentang apa-apa kegagalan fungsi dan operasi peranti yang ditetapkan dalam keadaan biasa.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi, menghalang atau mencegah pelaksanaan seksyen ini dalam apa-apa hal melakukan suatu kesalahan.

Tanggungjawab untuk tidak memberikan, menyiarkan atau menzahirkan maklumat tentang peranti yang ditetapkan

34B. (1) Mana-mana orang yang, atas apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat tentang peranti yang ditetapkan di bawah subseksyen 34A(1) tidak boleh memberikan, menyiarkan atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat itu melainkan penzahiran itu diperlukan atau dibenarkan—

(a) di bawah Akta ini;

(b) oleh mana-mana mahkamah; atau

(c) bagi tujuan pelaksanaan tugasnya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 41

46. Subseksyen 41(8) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “tidak dibayar” perkataan “sepenuhnya atau sebahagiannya”;

(b) dalam perenggan (a)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “tidak dibayar” perkataan “sepenuhnya atau sebahagiannya”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “sepuluh”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “genap masa dan kena dibayar” dengan perkataan “masih belum dibayar;”;

(c) dalam perenggan (b)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “tidak dibayar” perkataan “sepenuhnya atau sebahagiannya”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “lima belas”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “genap masa dan kena dibayar” dengan perkataan “masih belum dibayar;”; dan

(d) dalam perenggan (c)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “tidak dibayar” perkataan “sepenuhnya atau sebahagiannya”;

- (ii) dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “lima belas”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “genap masa dan kena dibayar” dengan perkataan “masih belum dibayar;”; dan
- (iv) dengan memotong perkataan “, tertakluk kepada penalti maksimum sebanyak dua puluh lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar”.

Pindaan seksyen 42

47. Seksyen 42 Akta ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “seksyen 58” dengan perkataan “subseksyen 56(5)”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang selain orang kena cukai selepas hari terakhir yang ia genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang itu hendaklah membayar —

- (a) bagi tempoh tiga puluh hari pertama yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar;
- (b) bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar; dan

(c) bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (7), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (3) boleh dimulakan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (4)(c).

(6) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa mana-mana orang selain orang kena cukai yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (3) hendaklah membayar penalti sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (4).

(7) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (3) boleh dimulakan terhadap mana-mana orang selain orang kena cukai yang telah membayar amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang dinyatakan dalam subseksyen (4) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (4).”.

Pindaan seksyen 49

48. Perenggan 49(1)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 21” dengan perkataan “seksyen 21, 41 dan 42”.

Pindaan seksyen 51

49. Subseksyen 51(1A) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen 41(8)” perkataan “atau 42(4)”.

Pindaan seksyen 56

50. Seksyen 56 Akta ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “diberikan” dan “dipenuhi” perkataan “atau pelepasan itu dibatalkan”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Jika seseorang yang telah diberikan pelepasan di bawah subseksyen (1) dan (3) telah membayar apa-apa cukai yang berhubungan dengan pelepasan itu dan telah diberikan kelulusan oleh Menteri untuk pembayaran balik amaun cukai yang telah dibayar, orang itu adalah berhak kepada pembayaran balik itu.”.

Pindaan seksyen 57

51. Seksyen 57 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**terlebih bayar atau terkhilaf bayar**” dengan perkataan “**terlebih bayar, terkhilaf bayar, diremitkan atau yang menjadi hal perkara pelepasan**”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mana-mana orang yang—

- (a) terlebih bayar atau terkhilaf bayar apa-apa cukai, surcaj, penalti, fi atau wang lain; atau
- (b) berhak kepada pembayaran balik cukai di bawah subseksyen 56(7) atau pembayaran balik cukai, penalti atau surcaj di bawah subseksyen 62(3),

boleh membuat suatu tuntutan baginya dalam borang yang ditetapkan.”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Suatu tuntutan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam tempoh enam tahun dari masa—

- (a) pembayaran lebih atau pembayaran terkhilaf itu berlaku; atau

(b) kelayakan pembayaran balik itu di bawah subseksyen 56(7) atau 62(3) berlaku.

(1B) Ketua Pengarah boleh membuat pembayaran balik cukai, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sepatutnya.”.

Pindaan seksyen 70

52. Seksyen 70 Akta ibu dipinda —

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Berhubung dengan barang yang telah diluluskan oleh pegawai kastam yang hak untuk dideposit dalam gudang, hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Penggudangan” yang membenarkan—

(a) cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas barang yang telah diimport digantung apabila barang itu dideposit dalam gudang; dan

(b) cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang bercukai yang dibuat dalam atau antara gudang tidak diambil kira.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Skim Penggudangan di bawah subseksyen (1) tidak terpakai bagi barang yang ditetapkan.”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Cukai hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas semua barang yang dipindahkan dari suatu gudang bagi segala maksud seolah-olah

pemindahan itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia melainkan jika barang itu dipindahkan untuk eksport, untuk dideposit ke gudang lain, ke suatu zon bebas atau ke suatu kawasan ditetapkan dengan kelulusan pegawai kastam yang hak.”;

(d) dengan memotong subseksyen (3);

(e) dalam subseksyen (4)—

(i) dengan memotong perkataan “daripada Skim Penggudangan”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “dan duti” dengan perkataan “daripada suatu gudang”;

(iii) dalam perenggan (b)—

(A) dengan memotong perkataan “kastam atau gudang berlesen” di mana-mana jua terdapat; dan

(B) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “disimpan” dengan perkataan “dideposit”; dan

(iv) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “Malaysia” perkataan “untuk pemindahan ke suatu kawasan ditetapkan atau ke suatu zon bebas”;

(f) dengan memotong subseksyen (5); dan

(g) dalam subseksyen (7), dengan memotong perenggan (d).

Pindaan seksyen 72

53. Subseksyen 72(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pada masa” dengan perkataan “mengikut mana-mana masa”.

Pindaan seksyen 73

54. Subseksyen 73(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pada masa” dengan perkataan “mengikut mana-mana masa”.

Pindaan seksyen 103

55. Subseksyen 103(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bagi maksud seksyen 83, jika” dengan perkataan “Jika”.

Pindaan seksyen 156

56. Seksyen 156 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “yang dibekalkan” dengan perkataan “yang dipindahkan”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “kawasan ditetapkan” perkataan “ke suatu kawasan ditetapkan yang lain melalui Malaysia atau dari kawasan ditetapkan”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “pembekalan” dengan perkataan “pemindahan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) pembayaran cukai di bawah perenggan (a) hendaklah digantung ke atas apa-apa barang yang dipindahkan dari suatu kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu kawasan ditetapkan yang lain, ke suatu zon bebas atau ke suatu gudang di bawah seksyen 70, melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya dalam suatu perintah di bawah seksyen 160.”.

Pindaan seksyen 160

57. Seksyen 160 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan—

- (a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan di dalam atau antara kawasan ditetapkan yang boleh dikenakan cukai;
- (b) apa-apa barang yang diimport ke dalam suatu kawasan ditetapkan, atau dipindahkan dari suatu kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu kawasan ditetapkan yang lain, ke suatu zon bebas atau ke suatu gudang di bawah seksyen 70 yang boleh dikenakan cukai; atau
- (c) apa-apa perkhidmatan yang diimport ke dalam kawasan ditetapkan dikenakan cukai.”.

Pindaan Bahagian XV

58. Bahagian XV Akta ibu dipinda dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “ZON PERDAGANGAN BEBAS” dengan perkataan “ZON BEBAS”.

Pindaan seksyen 161

59. Seksyen 161 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “Malaysia”, dengan memotong perkataan “perdagangan”;
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “Malaysia” takrif yang berikut:

‘ “pengilangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990’;
dan

(c) dengan memotong takrif “zon perdagangan bebas”.

Pindaan seksyen 162

60. Seksyen 162 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**dari zon perdagangan bebas**” dengan perkataan “**di dalam atau antara zon bebas**”;

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “Akta ini” perkataan “dan melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya dalam suatu perintah di bawah seksyen 163”;

(c) dalam perenggan (a)—

(i) dengan menggantikan perkataan “zon perdagangan bebas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “zon bebas”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “kecuali bagi barang yang digunakan” dengan perkataan “kecuali bagi barang import untuk digunakan atau diguna pakai”;

(iii) dengan memasukkan selepas perkataan “tujuan aktiviti perdagangan” perkataan “, pengilangan”; dan

(iv) dengan memasukkan di hujung perenggan itu perkataan “dan”;

(d) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) tiada cukai boleh dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang bercukai yang dibuat dalam atau antara zon bebas.”; dan

(e) dengan memotong perenggan (c).

Seksyen baharu 162A dan 162B

61. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 162 seksyen yang berikut:

“Barang yang dipindahkan dari suatu zon bebas termasuk barang di bawah perjanjian pajakan

162A. (1) Cukai hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas semua barang yang dipindahkan dari suatu zon bebas ke suatu zon bebas yang lain melalui Malaysia atau dari suatu zon bebas ke Malaysia termasuk apa-apa barang di bawah perjanjian pajakan seolah-olah pemindahan itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia.

(2) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya dalam suatu perintah di bawah seksyen 163, pembayaran cukai di bawah subseksyen (1) hendaklah digantung ke atas apa-apa barang yang dipindahkan dari suatu zon bebas melalui Malaysia—

- (a) ke suatu zon bebas yang lain;
- (b) ke suatu kawasan ditetapkan; atau
- (c) ke suatu gudang di bawah seksyen 70.

Pembekalan barang atau perkhidmatan oleh orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di dalam zon bebas

162B. Cukai hendaklah dikenakan oleh seorang orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di dalam suatu zon bebas ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia.”.

Pindaan seksyen 163

62. Seksyen 163 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan—

(a) apa-apa barang yang diimport ke dalam, dibekalkan di dalam atau antara zon bebas yang boleh dikenakan cukai; dan

(b) apa-apa barang yang dipindahkan dari suatu zon bebas melalui Malaysia ke suatu zon bebas lain, ke suatu kawasan ditetapkan atau ke suatu gudang di bawah seksyen 70 yang tertakluk kepada pembayaran cukai.”.

Pindaan Jadual Kedua

63. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“Pembekalan tanah bagi mematuhi kehendak undang-undang bertulis, Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan

8. (1) Apa-apa pembekalan tanah oleh pemaju atau tuan punya tanah itu kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain bagi mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan bagi maksud menyediakan kemudahan awam dan utiliti awam sama ada tanpa balasan atau pada nilai nominal hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), kemudahan awam dan utiliti awam ertinya kemudahan dan utiliti yang disediakan dalam pelan lantai bagi suatu projek yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”) dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (“Akta 762”)

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53.

Subfasal 4(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 dalam takrif “Malaysia” agar selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian dua kali yang dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Subfasal 4(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 dalam takrif “public entertainer” untuk memberi kejelasan mengenai kebolehhanaan cukai seorang penghibur awam di bawah seksyen 109A Akta 53.

Subfasal 4(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53 untuk menjelaskan takrif “royalty”.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 13(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun cukai output yang bertanggung untuk dibayar oleh seseorang pekerja di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tetapi ditanggung oleh majikannya hendaklah dimasukkan sebagai pendapatan kasar pekerja itu berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2015.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong proviso kepada seksyen 15A Akta 53 untuk menjelaskan bahawa kelas khas pendapatan di bawah perenggan 4A(i) dan (ii) Akta 53 hendaklah disifatkan diperolehi dari Malaysia tanpa mengambil kira sama ada perkhidmatan itu dilaksanakan di dalam Malaysia atau di luar Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 53.

Subfasal 7(a) bertujuan untuk memotong subseksyen 34(3A) dan (3B) Akta 53 berbangkit daripada pembatalan garis panduan ke atas pinjaman tidak berbayar oleh Bank Negara Malaysia.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Subfasal 7(b) bertujuan untuk meminda proviso kepada perenggan 34(6)(k) Akta 53 untuk meningkatkan amaun potongan yang dibenarkan daripada lima ratus ribu ringgit kepada tujuh ratus ribu ringgit bagi penajaan apa-apa aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan yang diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi kesenian, kebudayaan atau warisan yang termasuk juga suatu amaun berjumlah tiga ratus ribu ringgit untuk penajaan aktiviti kesenian asing, kebudayaan asing atau warisan asing.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 53.

Subfasal 8(a), (b), (c), (d) dan (e) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6) dan 44(7), dan perenggan 44(7A)(a), 44(7B)(a) dan 44(7B)(b) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa suatu potongan juga dibenarkan ke atas seseorang yang membuat sumbangan berbentuk wang kepada suatu tabung yang dianjurkan oleh suatu institusi atau organisasi, Tabung tersebut hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Subfasal 8(f) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(11B) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa suatu potongan dibenarkan ke atas suatu pemberian wang yang dibuat ke atas apa-apa aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 45A Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika suami tidak mempunyai jumlah pendapatan untuk dikumpulkan dengan isterinya, isteri tidak berhak untuk mendapat relif suami bagi suatu amaun berjumlah empat ribu ringgit di bawah seksyen itu jika pendapatan suami (yang bukan orang kurang upaya) yang diperolehi daripada sumber luar Malaysia melebihi amaun empat ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53.

Subfasal 10(a)(i) bertujuan untuk meminda proviso kepada perenggan 46(1)(h) Akta 53 untuk meningkatkan amaun potongan daripada lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2015.

Subfasal 10(a)(ii), (iii), (iv) dan (v) selanjutnya bertujuan untuk memotong perenggan 46(1)(i), (j), (l) dan (m) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan perenggan baharu 46(1)(p) ke dalam Akta 53.

Subfasal 10(a)(viii) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 46(1)(p) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu potongan maksimum sehingga dua ribu lima ratus ringgit kepada seseorang individu untuk suatu amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan bagi pembelian atau pembayaran bagi perkara yang dinyatakan dalam perenggan itu tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam perenggan itu.

Subfasal 10(a)(viii) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 46(1)(q) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu potongan maksimum sehingga satu ribu ringgit kepada seorang individu untuk suatu amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan bagi pembelian kelengkapan penyusuan ibu bagi penggunaan individu itu sendiri bagi anaknya yang berumur dua tahun ke bawah sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan itu.

Subfasal 10(a)(viii) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 46(1)(r) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu potongan maksimum sehingga satu ribu ringgit kepada seseorang individu bagi suatu amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan berkenaan dengan pembayaran bayaran penjagaan anak kepada suatu taman asuhan kanak-kanak bagi anaknya yang berumur enam tahun ke bawah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 47(5) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan untuk dikumpulkan dengan suaminya, suami tidak berhak untuk mendapat relif isteri sebanyak empat ribu ringgit jika amaun pendapatan isteri (yang bukan merupakan orang kurang upaya) yang diperoleh daripada punca luar Malaysia melebihi empat ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 12 dan 13* bertujuan untuk meminda takrif dalam subseksyen 60(11) dan seksyen 60AA Akta 53 berbangkit daripada pemansuhan Akta Insurans 1996 dan pembuatan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

10. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 61A(2) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jumlah pendapatan daripada unit amanah yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai jika sembilan puluh peratus atau lebih daripada amaun jumlah pendapatan unit amanah itu diagihkan kepada pemegang unit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 97A Akta 53.

Subfasal 18(a) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 97A(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang terkilan dengan ketetapan umum atau apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen itu berikutan suatu penyata yang dikemukakan oleh orang itu mengikut subseksyen 77 atau 77A(1) Akta 53 dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai, maka penyata itu disifatkan sebagai suatu pemberitahuan. Orang itu disifatkan telah diberitahu pada tarikh penyata itu dikemukakan.

Subfasal 18(b) dan (c) selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen (2) dan (3) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan boleh merayu terhadap pemberitahuan tersebut dalam suatu masa atau tempoh lanjutan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut dan peruntukan yang berkaitan dengan rayuan di bawah Akta 53 itu hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu.

Subfasal 18(d) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 97A(5), (6), (7) dan (8) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seseorang boleh merayu terhadap suatu penyata yang dikemukakan mengikut subseksyen 77 atau subseksyen 77A(1) Akta 53 dalam hal tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam suatu tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah subseksyen itu jika orang itu mengatakan bahawa terdapat kesalahan atau kesilapan dalam amaun yang dikira dalam penyata itu.

Subfasal 18(d) selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon relief jika orang itu mengatakan bahawa amaun yang dikira dalam penyata itu adalah tidak tepat disebabkan orang itu tidak layak untuk menuntut apa-apa pengecualian, relief, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung dengan relief itu masih belum disiarkan dalam *Warta* atau tuntutan untuk relief itu belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Subfasal 18(d) juga memperuntukkan bahawa seseorang boleh merayu terhadap amaun yang dikira dalam penyata yang orang itu mengatakan adalah berlebihan disebabkan orang itu kerana tidak layak untuk menuntut suatu potongan bagi cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2), atau 109(2), seksyen 109A, subseksyen 109B(2) atau 109F(2) pada hari penyata itu dikemukakan oleh orang itu.

Subfasal 18(d) selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa rayuan mestilah dibuat dalam suatu tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah subseksyen itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

12. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subseksyen 107C(7A) Akta 53 untuk menghendaki perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan anggaran atau anggaran tersemak cukai yang kena dibayar olehnya menggunakan medium elektronik atau secara pindahan elektronik.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 109C(4) Akta 53 berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 dan pembuatan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

14. *Fasal 21* bertujuan untuk menggantikan perkataan “an operator” dengan perkataan “a takaful operator” dalam subseksyen 110C(1) berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 60AA Akta 53.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

15. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 112A ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang gagal untuk mengemukakan laporan oleh setiap negara seperti yang dikehendaki di bawah kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam perenggan 154(1)(c) Akta 53 orang itu melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa mahkamah boleh membuat suatu perintah tambahan bahawa orang yang disabitkan kesalahan hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam seksyen itu dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

16. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 113A ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang itu membuat penyata, penyata maklumat, atau laporan yang tidak tepat atau memberikan apa-apa maklumat yang tidak tepat seperti yang dikehendaki di bawah kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam perenggan 154(1)(c) Akta 53 orang itu melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa mahkamah boleh membuat suatu perintah tambahan bahawa orang yang disabitkan kesalahan hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam seksyen itu dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 119B ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika seseorang gagal untuk mematuhi kaedah-kaedah berkenaan dengan bantuan pentadbiran bersama seperti yang dikehendaki di bawah seksyen itu orang itu melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa mahkamah boleh membuat suatu perintah tambahan bahawa orang yang disabitkan kesalahan hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam seksyen itu dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 131A ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon relif jika dia telah membayar cukai yang ditaksirkan dan dia boleh mengatakan bahawa amaun yang dinyatakan dalam penyata yang dikemukakan adalah berlebihan disebabkan orang itu tidak layak menuntut apa-apa pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berkaitan relif itu belum disiarkan dalam *Warta* atau tuntutan bagi relif itu belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Fasal 27 juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon relif berhubung dengan taksiran yang orang itu mengatakan adalah berlebihan disebabkan orang itu tidak layak untuk menuntut suatu potongan ke atas amaun cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2) atau 109(2), seksyen 109A, subseksyen 109B(2) atau 109F(2) pada hari penyata itu dikemukakan oleh orang itu.

Fasal 27 juga selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang itu boleh merayu terhadap taksiran dalam suatu masa yang dinyatakan dalam subseksyen (5) dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah seksyen itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

19. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda perenggan 154(1)(*ec*) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan fi berkenaan dengan suatu permohonan untuk perkiraan penentuan harga awal yang dibuat di bawah seksyen 138c Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

20. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 53.

Subfasal 27(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai suatu syarikat yang bermastautin dan ditubuhkan di Malaysia dan yang mempunyai modal berbayarnya berkenaan dengan saham biasa berjumlah dua juta lima ratus ribu ringgit dan ke bawah pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pada kadar lapan belas peratus bagi setiap ringgit bagi lima ratus ribu ringgit yang pertama.

Subfasal 27(a)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 2D Bahagian I Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan boleh cukai suatu perkongsian liabiliti terhad yang bermastautin di Malaysia yang mempunyai jumlah sumbangan modal (sama ada dalam bentuk wang atau barang) sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan ke bawah pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pada kadar lapan belas peratus bagi setiap ringgit bagi lima ratus ribu ringgit yang pertama.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

21. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda Jadual 3 kepada Akta 53.

Subfasal 28(a)(i) bertujuan untuk memperluas pemakaian perenggan 16B Jadual 3 kepada Akta 53 kepada seseorang yang memiliki suatu bangunan di bawah perenggan 42C Jadual 3 kepada Akta 53 dan menggunakannya bagi tujuan perniagaannya sebagai sebuah bangunan industri.

Subfasal 28(a)(iii) bertujuan untuk memasukkan proviso baharu kepada perenggan 16B kepada Jadual 3 kepada Akta 53 untuk menjelaskan bahawa jika suatu elaun dituntut ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bahagian bangunan yang dinyatakan dalam perenggan 16B Jadual 3 kepada Akta 53 yang digunakan bagi penyewaan harta dan penggunaan tersebut melebihi satu persepuluh daripada keseluruhan kawasan, elaun itu tidak akan dibenarkan dituntut berkenaan dengan kawasan lebihan itu.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

22. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda Jadual 6 kepada Akta 53.

Subfasal 29(a) bertujuan untuk meminda perenggan 12B Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa potongan berkaitan dengan pendapatan dividen yang dikecualikan di bawah perenggan itu tidak akan diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai orang itu.

Perenggan 29(b)(i) bertujuan untuk meminda subsubperenggan 13(1)(a) Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan yang diterima oleh suatu institusi atau organisasi daripada sumbangan berbentuk wang yang dibuat oleh seseorang kepada tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah subseksyen 44(6) Akta 53 adalah dikecualikan daripada cukai.

Perenggan 29(b)(ii) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan yang diterima oleh institusi atau organisasi keagamaan di bawah subsubperenggan 13(1)(b) Jadual 6 kepada Akta 53 semata-mata bagi tujuan kebajikan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah dikecualikan cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 29(e) bertujuan untuk meminda perenggan 33 Jadual 6 kepada Akta 53 berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 dan pembuatan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

24. *Subfasal 29(f)(ii)* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu kepada perenggan 33A Jadual 6 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan faedah yang dinyatakan di bawah perenggan itu yang diterima oleh syarikat bukan pemastautin daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama adalah tidak dikecualikan daripada cukai.

Subfasal 29(g)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 33B Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan faedah yang diterima oleh suatu syarikat daripada syarikat lain dalam suatu kumpulan yang sama di bawah perenggan itu adalah tidak dikecualikan daripada cukai. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendapatan faedah yang diterima daripada suatu bank atau bank Islam yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau institusi pembangunan kewangan di bawah Akta Pembangunan Kewangan 2002 di bawah perenggan itu adalah tidak dikecualikan cukai.

Subfasal 29(h) bertujuan untuk meminda perenggan 35A Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan faedah yang diterima oleh suatu syarikat daripada suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, suatu Bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Kewangan Islam 2013 atau mana-mana institusi pembangunan kewangan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 di bawah perenggan itu adalah tidak dikecualikan daripada cukai jika penerimaan pendapatan faedah itu adalah melalui tabung pasaran wang borong yang ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

23. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 543.

Subfasal 31(a) bertujuan untuk meminda takrif “Malaysia” supaya selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali yang dimasuki antara Kerajaan Malaysia dan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Subfasal 31(b) bertujuan untuk meminda takrif “secondary recovery” untuk menjelaskan bahawa projek yang dilaksanakan bagi maksud yang dinyatakan dalam takrif itu adalah berikutan suatu proses perolehan awal.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 41A Akta 543.

Subfasal 32(b) bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika orang yang boleh dikenakan cukai terkilan dengan apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang dinyatakan di bawah seksyen itu berikutan suatu penyata yang dikemukakan oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu mengikut subseksyen 30(1) Akta 543 dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai, maka penyata itu disifatkan sebagai suatu pemberitahuan. Orang yang boleh dikenakan cukai itu disifatkan sebagai telah diberitahu pada tarikh penyata itu dikemukakan.

Subfasal 32(c) dan *(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen (2) dan (3) Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan boleh merayu terhadap pemberitahuan itu dalam suatu masa atau tempoh lanjutan lain yang dinyatakan dalam subseksyen dan peruntukan yang berkaitan dengan rayuan di bawah Akta 543 itu hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu.

Subfasal 32(e) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 41A(5), (6), (7), (8) dan (9) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai boleh merayu terhadap suatu penyata yang dikemukakan mengikut subseksyen 30(1) Akta 543 yang tiada pendapatan boleh dikenakan cukai dalam suatu tempoh tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah subseksyen itu jika orang yang boleh dikenakan cukai itu mengatakan bahawa terdapat kesalahan atau kesilapan dalam pengiraan yang dibuat dalam penyata itu.

Subfasal 32(e) selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon untuk relif jika orang yang boleh dikenakan cukai itu mengatakan bahawa amaun yang dikira dalam penyata itu adalah tidak tepat disebabkan orang itu itu tidak layak untuk menuntut apa-apa pengecualian, pelepasan, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan disebabkan undang-undang berhubung dengan relif itu masih belum disiarkan dalam *Warta* atau tuntutan bagi relif itu belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Subfasal 32(e) selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa rayuan mestilah dibuat dalam suatu tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada kehendak di bawah subseksyen itu.

Subfasal 32(e) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon bagi suatu relif jika orang itu mengatakan bahawa amaun yang dikira di dalam penyata adalah tidak tepat disebabkan orang itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung dengan bayaran faedah, royalti, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperoleh dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak kena dibayar di bawah undang-undang berhubung dengan cukai pendapatan pada hari penyata dikemukakan oleh orang itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

25. *Fasal 33* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 66A ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon bagi suatu relif jika orang itu mengatakan bahawa amaun dalam penyata yang telah dikemukakan adalah berlebihan disebabkan orang itu tidak layak untuk menuntut apa-apa pengecualian, pelepasan, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata tersebut dikemukakan berikutan undang-undang berhubung dengan relif itu masih belum disiarkan dalam *Warta* atau tuntutan bagi relif tersebut belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Fasal 33 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon bagi suatu relif jika orang itu mengatakan bahawa amaun yang dikira didalam penyata adalah tidak tepat disebabkan orang itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung dengan bayaran faedah, royalti, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperoleh dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak kena dibayar di bawah undang-undang berhubung dengan cukai pendapatan pada hari penyata dikemukakan oleh orang itu.

Fasal 33 juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa orang yang boleh dikenakan cukai itu boleh merayu terhadap taksiran dalam suatu masa atau tempoh lanjutan lain yang dinyatakan dalam subseksyen itu dan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah subseksyen itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

26. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) Akta 169 untuk menjelaskan bahawa seorang penama hendaklah membuat suatu penyata kepada mana-mana pejabat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

27. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda Jadual 2 kepada Akta 169.

Subfasal 36(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 1(1) Jadual 2 kepada Akta 169 dalam takrif “bank Islam” berbangkit daripada pemansuhan Akta Perbankan Islam 1983 dan pembuatan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari 30 Jun 2013.

Subfasal 36(b) dan *(c)* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 6(1A) dan 7(2) dalam Jadual 2 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa kos sampingan bagi pemerolehan atau pelupusan sesuatu aset tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah ditentukan mengikut amaun pelarasan yang dibuat ke atas cukai input dalam tahun taksiran pelupusan dibuat atau pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah Akta itu, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2015.

Subfasal 36(d) bertujuan untuk meminda subperenggan 12(2) Jadual 2 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pelupusan secara pemberian antara penderma dan penerima adalah terhad kepada seseorang warganegara yang merupakan suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak atau datuk atau nenek dengan cucu dan penderma disifatkan tidak menerima keuntungan dan tidak mengalami kerugian atas pelupusan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

28. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 445.

Subfasal 38(a) bertujuan untuk meminda takrif “aktiviti bukan perdagangan Labuan” untuk memperuntukkan bahawa pegangan pelaburan dalam harta oleh suatu entiti Labuan mestilah dalam harta yang terletak di Labuan.

Subfasal 38(b) bertujuan untuk meminda takrif “aktiviti perdagangan Labuan” dalam proviso *(b)* untuk memperuntukkan bahawa suatu entiti Labuan hanya boleh memegang saham dalam syarikat tempatan dan boleh bersama pemastautin dan dalam ringgit Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

29. *Fasal 39* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan atau memudahkan apa-apa perkiraan di bawah seksyen 132B Akta 53 dan untuk menetapkan apa-apa penalti bagi kegagalan untuk mematuhi peraturan-peraturan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 22 Oktober 2016.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

30. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 762 dengan memasukkan takrif “zon bebas”.

31. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda perenggan 13(4)(b) Akta 762 bagi menentukan masa pembekalan perkhidmatan diimport adalah apabila bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mengikut mana-mana yang lebih awal.

32. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 762.

Subfasal 43(a) bertujuan untuk meminda subperenggan 20(6)(a) Akta 762 bagi menetapkan bahawa apa-apa pembekalan aset modal yang dilakukan akibat dari pemberhentian perniagaan tidak diambil kira dalam menentukan nilai pembekalan bagi tujuan tanggungan untuk menjadi orang berdaftar.

Subfasal 43(d) bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 20(6)(f) ke dalam Akta 762 bagi menetapkan apa-apa pembekalan yang dibuat dalam atau antara zon bebas tidak termasuk dalam pengiraan nilai pembekalan bagi tujuan penentuan tanggungan untuk berdaftar.

33. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 762.

Subfasal 44(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 33(10) Akta 762 untuk menetapkan mana-mana orang berdaftar tidak boleh mengeluarkan apa-apa invois yang berupa invois cukai atau mengandungi elemen cukai bagi suatu pembekalan bukan bercukai atau berkadar sifar.

Subfasal 44(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 33(10A) ke dalam Akta 762 bagi menetapkan mana-mana orang yang tidak berdaftar, kecuali yang dinyatakan di bawah subseksyen 65(4) dan (5), tidak boleh mengeluarkan apa-apa invois yang menyerupai invois cukai, mempunyai elemen cukai atau invois cukai.

Subfasal 44(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 33(11) Akta 762 bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang melanggar subseksyen 33(10A) melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda atau penalti sebagaimana yang ditetapkan.

34. *Fasal 45* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 34A dan 34B dalam Akta 762 bagi menetapkan mana-mana orang berdaftar yang telah ditentukan untuk mengemukakan maklumat pembekalan yang dibuat dengan menggunakan suatu peranti yang ditetapkan. Orang berdaftar juga adalah bertanggung sepenuhnya untuk memastikan peranti yang dipasang berfungsi dengan baik dan kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan adalah suatu kesalahan. Pindaan ini selanjutnya memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk meluluskan mana-mana orang untuk memasang peranti yang ditetapkan. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menyatakan bahawa mana-mana orang

yang mempunyai akses kepada peranti yang ditetapkan tidak boleh memberi, menyiarkan atau menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehi daripada peranti dan apa-apa pelanggaran syarat-syarat ini adalah suatu kesalahan.

35. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda subseksyen 41(8) Akta 762 bagi mengenakan penalti minimum sebanyak sepuluh peratus dan maksimum sebanyak empat puluh peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar berdasarkan bilangan hari yang lewat. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menjelaskan bahawa penalti dikenakan ke atas baki cukai yang masih belum dibayar.

36. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 762.

Subfasal 47(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 42(1) Akta 762 bagi menghadkan perisytiharan penyata dan pembayaran cukai di bawah seksyen ini kepada orang selain orang kena cukai termasuk mana-mana orang yang bukan seorang orang berdaftar dan diberi pelepasan di bawah subseksyen 56(5) Akta 762.

Subfasal 47(b) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 42(4), (5), (6) dan (7) ke dalam Akta 762 bagi mengenakan penalti minimum sebanyak sepuluh peratus ke atas kegagalan membuat bayaran sepenuhnya atau sebahagian cukai yang genap masa dan kena dibayar.

37. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 762 untuk memperluas pemakaian perenggan 49(1)(b) kepada penalti yang dikenakan di bawah seksyen 41 dan 42.

38. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1A) untuk membenarkan mana-mana orang di bawah subseksyen 42(4) membayar penalti secara ansuran.

39. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda seksyen 56 Akta 762.

Subfasal 50(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 56(5) Akta 762 untuk memastikan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan untuk mengakaunkan semula cukai apabila pelepasan itu dibatalkan.

Subfasal 50(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 56(7) ke dalam Akta 762 untuk melayakkan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan dan diluluskan oleh Menteri untuk menuntut pembayaran balik amaun cukai yang telah dibayar.

40. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda subseksyen 57(1) Akta 762 untuk menentukan mekanisme dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah membayar cukai yang genap masa dan kena dibayar dan kemudiannya diberi pelepasan, menuntut balik cukai itu. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menetapkan mekanisme dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah diberikan kelulusan untuk peremitan di bawah seksyen 62 Akta 762, menuntut apa-apa cukai, surcay, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang telah dibayar.

41. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda seksyen 70 Akta 762 bagi menjelaskan bahawa cukai ke atas apa-apa barang yang diluluskan oleh pegawai kastam yang hak untuk dideposit ke dalam gudang adalah digantung. Cukai menjadi genap masa dan kena dibayar jika barang itu dipindahkan dari gudang untuk tujuan pengimportan ke dalam Malaysia selain untuk tujuan pengeksportan, pemindahan antara gudang, zon bebas atau kawasan ditetapkan. Pemindahan

hanya boleh dilakukan setelah pembayaran duti atau cukai dibuat. Pindaan ini seterusnya menetapkan bahawa skim ini tidak terpakai bagi barang-barang yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

42. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda subseksyen 72(3) Akta 762 bagi menentukan masa pembekalan barang yang dirawat adalah apabila bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mengikut mana-mana yang lebih awal.

43. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda subseksyen 73(3) Akta 762 bagi menentukan masa pembekalan barang adalah apabila bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mengikut mana-mana yang lebih awal.

44. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda subseksyen 103(5) Akta 762 bagi memperluas pemakaian subseksyen ini bagi mana-mana peruntukan yang berkenaan di bawah Akta 762.

45. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 156 Akta 762.

Subfasal 56(a) bertujuan untuk meminda perenggan 156(a) Akta 762 bagi menetapkan bahawa apa-apa pemindahan barang termasuk barang di bawah perjanjian pajakan dari kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu kawasan ditetapkan yang lain atau ke Malaysia adalah disifatkan sebagai import.

Subfasal 56(b) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 156(aa) ke dalam Akta 762 untuk memperuntukkan bahawa Menteri boleh menentukan apa-apa cukai digantung ke atas barang yang dipindahkan dari kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu kawasan ditetapkan lain, suatu zon bebas atau suatu gudang di bawah seksyen 70 Akta 762.

46. *Fasal 57* bertujuan untuk meminda subseksyen 160(1) Akta 762 bagi membolehkan Menteri mengenakan cukai ke atas apa-apa pembekalan barang di dalam atau antara kawasan ditetapkan atau barang diimport ke dalam kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu kawasan ditetapkan, zon bebas atau suatu gudang di bawah seksyen 70 Akta 762.

47. *Fasal 58* bertujuan untuk meminda Bahagian XV Akta 762 bagi memperluas pemakaian peruntukan di bawah Bahagian ini kepada zon bebas.

48. *Fasal 59* bertujuan untuk meminda seksyen 161 Akta 762 bagi menjelaskan bahawa zon bebas adalah termasuk zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

49. *Fasal 60* bertujuan untuk meminda seksyen 162 Akta 762 bagi menetapkan bahawa cukai tidak dikenakan ke atas pengimportan barang ke dalam zon bebas bagi tujuan aktiviti perdagangan, pengilangan atau perdagangan runcit kecuali barang-barang itu digunakan atau diguna pakai di dalam zon itu dan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. Pindaan ini juga menetapkan tiada cukai dikenakan ke atas pembekalan barang di dalam atau antara zon bebas.

50. *Fasal 61* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 162A dan 162B ke dalam Akta 762 bagi menjelaskan bahawa cukai ke atas apa-apa pembekalan barang dari zon bebas ke Malaysia di bawah perjanjian pajakan adalah digantung dan disifatkan sebagai import melainkan Menteri menetapkan selainnya. Pindaan ini seterusnya bertujuan untuk mengenakan cukai ke atas pembekalan yang dibuat di Malaysia oleh orang kena cukai yang tempatnya di zon bebas.

51. *Fasal 62* bertujuan untuk meminda seksyen 163 Akta 762 bagi memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengenakan cukai ke atas apa-apa barang yang diimport, dibekalkan atau dipindahkan ke atau dari zon bebas.

52. *Fasal 63* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 8 ke dalam Jadual Kedua Akta 762 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pembekalan tanah kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain bagi maksud menyediakan kemudahan awam dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan.

AM

53. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya belum dapat ditentukan.

[PN(U2)3043]